

Tahap Pemahaman Teks Komsas dalam Kalangan Pelajar Orang Asli, di Smk Mengkarak, Bera, Pahang

Mohd Ashri Ismail¹, Sharil Nizam Sha'ri², Noor Aina Dani
Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Rohaidah Kamaruddin³

ABSTRAK

Kemahiran membaca merupakan aspek yang sangat ditekankan dalam Sukatan Pelajaran bahasa Bahasa Melayu sekolah rendah sehinggalah ke peringkat menengah. Hal ini kerana melalui kemahiran membaca dalam kalangan pelajar akan meningkatkan penguasaan dan pencapaian pelajar dalam bahasa Melayu. Penguasaan kemahiran membaca akan memudahkan pelajar memahami dan mendapatkan informasi yang berguna daripada bahan yang dibaca. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, dan meneliti tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik, teks petikan prosa moden dan tradisional serta borang perkataan yang sukar difahami. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Secara umumnya dapatan kajian ini menunjukkan faktor ekstra linguistik galakan keluarga, motivasi dan sikap sangat penting kepada pelajar Orang Asli untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, kajian juga menunjukkan tahap pemahaman teks KOMSAS moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli di SMK Mengkarak masih pada peringkat rendah. Justeru, pendekatan strategi bacaan yang berkesan perlu diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu terutamanya teks KOMSAS supaya pelajar Orang Asli lebih memahami dan menguasai teks yang dibaca itu.

Kata kunci: tahap pemahaman, teks KOMSAS, pelajar Orang Asli.

Komsas Text Comprehension Levels among Orang Asli Students in Smk Mengkarak, Bera, Pahang

ABSTRACT

Reading skills are a highly emphasized aspect in the English Language Syllabus of primary school to middle level. This is because through reading skills among students will increase the mastery and achievement of students in Malay. The mastery of reading skills will make it easier for students to understand and obtain useful information from readers. The objective of this study was to identify the extra linguistic factor among Orang Asli students towards Malay as the second language, and to examine the level of understanding of KOMSAS text of modern and traditional prose among Orang Asli students. In this study, researchers use questionnaire forms, modern and traditional prose texts and difficult to understand word forms. This study is a quantitative study and analyzed using descriptive statistics. Generally, the findings of this study show that the extra factor of family linguistic motivation, motivation

¹ Mohd Ashri Ismail, Master Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM, ashri@gmail.com.my

² Sharil Nizam Sha'ri, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM, sharil@upm.edu.my

³ Noor Aina Dani (Prof. Madya), Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (Prof. Madya), & Rohaidah Kamaruddin. Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM, aina02@upm.edu.my, nrafidah@upm.edu.my & rohaidah_k@upm.edu.my

and attitude are very important to the Orang Asli students to learn Malay as the second language. In addition, the study also shows that the level of understanding of modern and traditional KOMSAS texts among Orang Asli students at SMK Mengkarak is still low. Hence, an effective reading strategy approach should be applied in the teaching of the Malay language, especially the KOMSAS text so that Aboriginal learners can better understand and master the texts read.

Key words: *level of understanding, KOMSAS text, Aboriginal students.*

Pengenalalan

Dalam proses menguasai bahasa Melayu aspek kemahiran membaca sangat penting untuk membolehkan seseorang pelajar dapat memahami teks yang dibaca dengan baik. Bagi seseorang pembaca, proses membaca akan menyebabkan seseorang dapat memahami kandungan teks yang dibaca melalui proses pembacaan yang sistematik. Menurut Safiah (1992), kemahiran kefahaman merupakan sesuatu kemahiran menerima, tetapi kemahiran tersebut tetap memerlukan penglibatan aktif yang merangkumi kebolehan membuat penilaian, penyusunan dan mentelaah sesuatu bahan yang telah didengar dan dibaca.

Penekanan kepada kemahiran membaca sangat penting kepada pembaca terutamanya pelajar sekolah. Oleh sebab itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (2003:4) telah menjelaskan dalam huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah Menengah dalam mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan empat, kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan remaja membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan.

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu sebagai bahasa kedua sangat ditekankan oleh pihak sekolah mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia. Faktor ekstra linguistik sangat mempengaruhi pelajar bukan Melayu untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Faktor ekstra linguistik seperti galakan keluarga, motivasi dan sikap secara tidak langsung mempengaruhi pelajar bukan Melayu mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih baik. Kajian yang dijalankan oleh Zamri dan Zarina (2001) menunjukkan faktor sikap merupakan penyumbang utama kepada kepada kemerosotan pencapaian pelajar dalam bahasa Melayu disekolah. Selain itu, sikap terhadap bahasa juga mempunyai hubungan dengan motivasi seseorang pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Abdul Rahim Abu, 2015). Hal ini memberi gambaran bahawa faktor ekstra linguistik seperti sikap dan motivasi mempengaruhi seseorang untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukan Melayu.

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib lulus merupakan syarat kepada pelajar untuk mendapatkan sijil dalam peperiksaan awam. Hal ini menyebabkan pelajar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh sebab itu, pelajar perlu menguasai teks Komponen Kesusasteraan Melayu atau lebih dikenali dengan KOMSAS merupakan teks wajib yang digunakan sebagai soalan dalam peperiksaan bahasa Melayu kertas 2 SPM. Hal ini sangat penting kepada pelajar untuk menguasai soalan pemahaman dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Justeru kajian ini, membincangkan tahap pemahaman teks

KOMSAS dan faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kajian ini dilakukan kerana masyarakat yang mahir dalam bidang bahasa Melayu yang akan mengangkat martabat bahasa itu pada kelas tersendiri. Namun begitu, pada hari ini pelajar kurang menghayati bahasa Melayu dan tidak menitik beratkan aspek bahasa tersebut dalam kehidupan mereka. Hal ini telah disuarakan oleh seorang pakar bahasa Melayu iaitu Lim Swee Tin, 2014 dalam persidangan bahasa menyatakan tidak ramai remaja menggunakan bahasa Melayu dengan baik apatah lagi untuk menghayati atau memahami sehingga mahir dalam segenap segi bahasa itu. Hal ini menunjukkan masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja semakin meruncing kerana mereka tidak berminat untuk mempelajarinya.

Selain itu, dalam mencapai tingkat memahami bahasa Melayu, kemahiran membaca merupakan perkara asas yang ditekankan kepada remaja untuk memahami kandungan sesuatu teks yang dibaca sejak di bangku sekolah lagi. Pendedahan dan penguasaan kemahiran membaca ini merupakan asas yang penting, selain kemahiran mengira dan menulis yang perlu dikuasai oleh setiap remaja bagi memudahkan proses pembelajaran bahasa Melayu dengan lebih baik. Namun begitu, pada hari ini, kemahiran membaca dalam kalangan remaja masih di peringkat lemah kerana mereka masih kurang memahami keseluruhan kandungan teks yang dibaca terutamanya bahan ilmiah. Hal ini telah dinyatakan oleh Yahya Othman (2006), iaitu masalah memahami teks berlaku bermula dari peringkat rendah, menengah dan berterusan hingga ke peringkat pengajian tinggi. pelajar bukan hanya tidak memahami sepenuhnya teks bacaan yang menggunakan bahasa pertama mereka bahkan tidak memahami bahasa yang lain, contohnya genre bahasa Melayu klasik.

Seterusnya, masalah yang timbul ketika pelajar memahami bahan bacaan yang dibaca mereka sering kali membaca teks secara sekali imbas untuk mendapatkan kata kunci yang terdapat dalam teks, kemudian mengaitkan dengan pengetahuan sedia ada mereka. Hal ini menyebabkan remaja tidak menanggapi makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis teks (Yahya Othman, 2008). Hal ini memberi gambaran kepada kita bahawa remaja masih lagi lemah dari segi penguasaan kemahiran membaca kerana tidak dapat memahami makna kandungan teks yang dibaca.

Di samping itu, masalah pelajar untuk memahami bahasa kedua dengan baik merupakan faktor menjadikan teks KOMSAS sukar difahami terutamanya remaja Orang Asli yang banyak menggunakan bahasa ibunda sendiri dalam kehidupan seharian. Menurut Helmi (2011), menyatakan bahawa kebanyakan seseorang yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua akan mengalami gangguan daripada bahasa ibunda. Hal ini akan menyebabkan pelajar sukar memahami maksud perkataan dalam teks KOMSAS disebabkan latar budaya remaja Orang Asli yang banyak menggunakan dialek suku kaum mereka sendiri berbanding bahasa Melayu formal sepanjang pergaulannya dengan rakan, keluarga mahupun masyarakat setempat. Pernyataan yang sama juga telah dinyatakan oleh Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad, Noraziah Ali, 2014 yang telah menyatakan bahawa kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam proses menguasai bahasa Melayu ialah masalah berkomunikasi kerana mereka lebih terdedah dengan persekitaran dan budaya hidup Orang Asli sejak lahir lagi. Hal ini membuktikan kepada kita bahawa persekitaran dan budaya sesuatu kaum juga menyebabkan masalah dalam menguasai dan memahami sesuatu teks yang dibaca.

Kajian ini dijalankan dengan menetapkan sebanyak dua objektif iaitu mengenal pasti faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan mengenal pasti tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli

Sehubungan itu, terdapat kajian berkaitan proses pemahaman teks, yang dijalankan oleh Rusdi Mohd Noor (2011) dengan kajian 'Proses Kefahaman Membaca Teks KOMSAS Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Cina Tingkatan Empat di SMK Chung Ching, Raub, Pahang'. Objektif kajian adalah mengenal pasti tahap kefahaman membaca dan proses yang digunakan semasa membaca teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Cina. Kajian yang dijalankan turut mengenal pasti model membaca atas ke bawah dan model bawah ke atas yang digunakan oleh pelajar Cina membaca teks KOMSAS. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman dalam kalangan pelajar Cina di Raub terhadap teks KOMSAS prosa moden dan tradisional pada peringkat baik. Selain itu, tahap pemahaman teks KOMSAS puisi tradisional dalam kalangan pelajar Cina adalah pada peringkat baik. Kajian juga menunjukkan model bawah ke atas banyak digunakan oleh pelajar Cina dalam memahami teks KOMSAS.

Seterusnya, Nor'aini (2008), menjalankan kajian yang bertajuk 'Penguasaan Memahami Teks dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat berdasarkan Pencapaian Ujian Kefahaman dan Ujian Kloz'. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan memahami teks berdasarkan pencapaian ujian kefahaman dan ujian kloz. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan ujian kefahaman yang melibatkan teks KOMSAS iaitu teks puisi, petikan cerpen dan petikan drama. Kajian telah dijalankan kepada 70 orang sampel yang berbeza jantina dan aliran kelas daripada SMK Seksyen 16, Shah Alam. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian ujian kefahaman antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penguasaan memahami teks KOMSAS. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan tahap pemahaman pelajar aliran sains berbanding pelajar aliran biasa terhadap teks KOMSAS.

Kajian sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu telah dijalankan oleh Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitol Azma Zainon Hamzah (2015). Kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Alat instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik. Seramai 18 orang pelajar Universiti teknologi Malaysia telah diambil sebagai sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan sikap yang positif yang paling tinggi sebanyak 78% adalah dengan mempelajari bahasa Melayu dapat membantu pelajar menyiapkan kerja tugas mereka. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan 57% menunjukkan faktor motivasi yang menyebabkan mereka menguasai bahasa Melayu kerana dapat membantu pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Secara keseluruhannya, sebanyak 50% sangat seronok untuk belajar bahasa Melayu. Hal ini jelas menunjukkan faktor ekstra linguistik sikap dan motivasi sangat mendorong seseorang untuk belajar bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga.

Metodologi

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan di sekolah untuk mendapatkan data yang tepat tentang tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang. Pengkaji menggunakan borang

soal yang berkaitan faktor ekstra linguistik dalam kalangan Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Borang soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A adalah faktor ekstra linguistik galakan keluarga, Bahagian B adalah Faktor ekstra linguistik motivasi dan Bahagian C berkaitan faktor ekstra linguistik sikap pelajar Orang Asli terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Dalam kajian ini juga, pengkaji menjalankan ujian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional kepada pelajar Orang Asli. Ujian pemahaman dijalankan oleh pengkaji untuk mengkaji tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dua petikan pemahaman Teks KOMSAS yang digunakan dalam ujian ini daripada *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* iaitu cerpen *Munsi* dan prosa *Kepimpinan Melalui Teladan*. Dalam petikan pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional yang diedarkan, pengkaji turut mengedarkan bersama perkataan borang sukar. Borang tersebut diedarkan kepada pelajar Orang Asli supaya mereka dapat menulis perkataan yang tidak difahami ketika membaca petikan pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional.

Setelah ujian pemahaman teks KOMSAS dijalankan, pengkaji akan mengumpul semua skrip kertas jawapan soalan prosa moden dan tradisional bersama borang perkataan yang sukar. Borang soal selidik juga dikumpul bagi mendapatkan maklumat berkaitan faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Setelah pulang ke rumah, pengkaji menyemak skrip jawapan soalan pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional mengikut standard pemarkahan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Manakala bagi borang soal selidik, pengkaji mendapatkan data tentang kekerapan remaja memilih jawapan yang berkaitan faktor ekstra linguistik galakan keluarga, motivasi dan sikap terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Data yang diperoleh melalui instrumen borang soal selidik dan ujian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Melalui statistik deskriptif akan menjelaskan tentang kekerapan dan peratus, dan tahap pencapaian berdasarkan faktor ekstra linguistik serta pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Responden kajian merupakan perkara yang sangat penting dalam setiap kajian yang dijalankan oleh seseorang pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan seramai 18 pelajar Orang Asli di SMK Mengkarok sebagai responden untuk mendapatkan data. Responden dalam kajian ini ialah pelajar Orang Asli tingkatan empat. Mereka terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 13 orang pelajar perempuan. Pemilihan subjek yang dipilih terdiri daripada empat kelas yang berbeza daripada aliran kemanusiaan. Tahap pencapaian Bahasa Melayu adalah berbeza mengikut kelas yang diduduki oleh mereka. Responden yang dipilih ini terdiri daripada tiga kelompok pelajar Orang Asli iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Kedudukan kelas pelajar Orang Asli adalah berdasarkan pencapaian Pentaksiran Tingkatan Tiga 2015. Namun begitu, pelajar Orang Asli yang dipilih oleh pengkaji sebagai sampel kajian boleh membaca dan menulis.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menjelaskan secara terperinci dapatan kajian berkaitan tahap pemahaman teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dapatan kajian ini akan dapat mengenal pasti faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai

bahasa kedua dan tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli berdasarkan analisis borang soal selidik dan ujian pemahaman.

Faktor Ekstra Linguistik Galakan Keluarga Terhadap Bahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 1, jelas menunjukkan kepada penyelidik tentang dapatan faktor ekstra linguistik galakan keluarga kepada pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu. Dalam dapatan ini menunjukkan paling ramai responden menjawab sangat setuju, seramai 11 orang responden (61.1%) pada pernyataan soalan pertama iaitu keluarga cuba membantu saya belajar bahasa Melayu.

Jadual 1: Faktor galakan keluarga pelajar Orang Asli terhadap Bahasa Melayu

Perkara	SS	S	AGS	AGTS	TS	STS
	Kekerapan & Peratusan					
1. Keluarga cuba membantu saya belajar bahasa Melayu	11 61.1%	4 22.2%	2 11.1%	1 5.6%	-	-
2. Keluarga berasa bahasa Melayu penting untuk saya pelajari	12 66.7%	5 27.8%	-	1 5.6%	-	-
3. Keluarga berasa saya patut meneruskan belajar bahasa Melayu sepanjang hayat	3 16.7%	7 38.9	5 27.8%	3 16.7%	-	-
4. Keluarga telah menekankan kepentingan bahasa Melayu apabila saya meninggalkan sekolah	2 11.1%	10 55.6%	3 16.7%	3 16.7%	-	-
5. Keluarga mendesak saya untuk meminta bantuan guru sekiranya masalah dalam bahasa Melayu	5 27.8%	4 22.2%	3 16.7%	4 22.2%	2 11.1%	-
6. Keluarga berminat dalam semua perkara yang saya buat dalam kelas bahasa Melayu	1 5.6%	11 61.1%	3 16.7%	3 16.7%	-	-
7. Keluarga menggalakkan saya berlatih bahasa Melayu seberapa kerap yang boleh	5 27.8%	6 33.3%	2 11.1%	3 16.7%	2 11.1%	-
8. Keluarga berfikir, saya sepatutnya memperuntukkan lebih masa untuk belajar bahasa Melayu	3 16.7%	5 27.8%	6 33.3%	3 16.7%	1 5.6%	-

Dapatan juga menunjukkan paling ramai menjawab pilihan setuju, seramai 11 orang responden (61.1%) pada pernyataan soalan keenam iaitu keluarga berminat dalam semua perkara yang saya buat dalam kelas bahasa Melayu. Bagi jawapan sedikit setuju, seramai 6 orang responden (33.3%) telah memilih pernyataan kelapan, iaitu keluarga berfikir, saya sepatutnya memperuntukkan lebih masa untuk belajar bahasa Melayu.

Faktor Ekstra linguistik Motivasi Pelajar Orang Asli Terhadap Bahasa Melayu

Jadual 2 menunjukkan pencapaian motivasi pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu. Daripada dapatan ini, penyelidik dapat melihat seramai 8 orang responden (44.4%) yang menjawab dengan pilihan jawapan sangat setuju bagi pernyataan pertama iaitu saya cuba sedaya upaya untuk memahami bahasa Melayu secara pandang dan dengar.

Jadual 2: Faktor motivasi pelajar Orang Asli terhadap Bahasa Melayu

Perkara	SS	S	AGS	AGTS	TS	STS
	Kekerapan & Peratus					
1.Saya cuba sedaya upaya untuk memahami bahasa Melayu secara pandang dan dengar	8 44.4%	8 44.4%	2 11.1%	-	-	-
2.Saya sentiasa menguasai bahasa Melayu dengan berlatih setiap hari	4 22.2%	5 27.8%	5 27.8%	3 16.7%	-	1 5.6%
3.Apabila menghadapi masalah untuk memahami sesuatu bahasa Melayu di dalam kelas, saya selalu mendapat bantuan guru	5 27.8%	8 44.4%	5 27.8%	2 100%	-	-
4.Saya berusaha keras untuk belajar bahasa Melayu	3 16.7%	10 55.6%	5 27.8%	-	-	-
5.Apabila sedang belajar bahasa Melayu, saya tidak mempedulikan gangguan didalam kelas dan memberi tumpuan tugas guru	2 11.1%	6 33.3%	9 50.0%	-	1 5.6%	-

Manakala bagi pilihan jawapan setuju, pernyataan keempat iaitu saya berusaha keras untuk belajar bahasa Melayu merupakan pilihan jawapan yang paling tinggi iaitu seramai 10 orang (57.8%). Akhir sekali bagi jawapan agak setuju, pernyataan soalan yang kelima merupakan pilihan paling ramai responden iaitu sebanyak 9 orang (50.0%) bagi pernyataan apabila sedang belajar bahasa Melayu saya tidak mempedulikan gangguan didalam kelas dan memberi tumpuan tugas guru.

Faktor Ekstra linguistik Sikap Pelajar Orang Asli Terhadap Bahasa Melayu

Jadual 3 menunjukkan faktor sikap pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa pilihan pernyataan soalan kedua iaitu saya sangat seronok belajar bahasa Melayu merupakan pilihan sangat setuju yang paling ramai iaitu 9 orang (50%).

Jadual 3 : Faktor sikap pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu

Perkara	SS	S	SSU	STSU	TS	STS
	Kekerapan dan Peratus					
1.Belajar bahasa Melayu sangat menyeronokkan	6 33.3%	8 44.4%	4 22.2%	-	-	-
2.Saya sangat seronok belajar bahasa Melayu	9 50.0%	5 27.8%	4 22.2%	-	-	-

3. Bahasa Melayu adalah sebahagian daripada fokus sekolah yang penting	7 38.9%	10 55.6%	1 5.6%	-	-	-
4. Saya merancang untuk belajar seberapa banyak mungkin bahasa Melayu	2 11.1%	10 55.6%	5 27.8%	1 5.6%	-	-
5. Saya suka belajar bahasa Melayu	6 33.3%	7 38.9%	4 22.2%	1 5.6%	-	-

Manakala bagi pilihan jawapan setuju paling tinggi, iaitu seramai 10 orang (55.6%) telah memilih pernyataan ketiga dan keempat yang berbunyi bahasa Melayu adalah sebahagian daripada fokus sekolah yang penting dan saya merancang untuk belajar seberapa banyak mungkin bahasa Melayu. Seterusnya pilihan responden yang paling tinggi untuk jawapan sedikit setuju ialah bagi pernyataan soalan yang keempat iaitu saya merancang untuk belajar seberapa banyak mungkin bahasa Melayu, seramai 5 orang (27.8%)

Tahap Faktor Ekstra Linguistik Pelajar Orang Asli terhadap Bahasa Melayu

Secara keseluruhannya, melalui jadual 4 menunjukkan pencapaian keseluruhan faktor ekstra linguistik dalam diri pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu. Unsur ekstra linguistik yang dikaji seperti faktor galakan keluarga pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu adalah dalam galakan sederhana iaitu sebanyak 1 orang (5.6%).

Jadual 4: Tahap faktor ekstralinguistik pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu

Perkara	Pencapaian	Bilangan	Peratus
1. Galakan keluarga terhadap bahasa Melayu	Galakan Sederhana Galakan Tinggi	1 17	5.6% 94.4%
2. Galakan motivasi pelajar Orang terhadap bahasa Melayu	Galakan Sederhana Galakan Tinggi	1 17	5.6% 94.4%
3. Galakan sikap pelajar Orang terhadap bahasa Melayu	Sikap positif	18	100%

Manakala galakan tinggi adalah seramai 17 orang (94.4%). Faktor ekstra linguistik terhadap motivasi pelajar terhadap bahasa Melayu adalah galakan sederhana sebanyak 1 orang (5.6%) dan galakan tinggi sebanyak 17 orang (94.4%). Bagi faktor galakan sikap pelajar orang Orang Asli terhadap bahasa Melayu, dapatan menunjukkan secara keseluruhannya 18 orang pelajar Orang Asli yang dikaji mempunyai sikap positif sebanyak 100%.

Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Moden Berdasarkan Soalan

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan pencapaian ujian pemahaman teks prosa moden mengikut soalan dalam kalangan pelajar Orang Asli. Berdasarkan dapatan yang diperolehi penyelidik mendapati untuk soalan pertama, pencapaian responden mendapat 0 markah seramai 9 orang (46.7%).

Jadual 5 : Pencapaian ujian pemahaman teks prosa moden mengikut soalan.

Soalan	Pencapaian (markah)				
	0	1	2	3	4
	Kekerapan dan Peratus				
1. Bukti penjajah mengagih sumber ekonomi yang tidak seimbang	9 46.7%	8 44.4%	1 5.6%	-	
2. Apakah persiapan penulis sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur	3 16.7%	5 27.8%	9 50.0%	1 5.6%	
3. Nyatakan dua nilai beserta contoh dalam petikan	12 66.7%	3 13.7%	3 13.67%	-	-

Manakala seramai 8 orang (44.4%) mendapat 1 markah dan hanya 1 orang (5.6%) yang mendapat markah penuh iaitu 2 markah bagi soalan pertama. Bagi soalan kedua pula, seramai 8 orang (44.4%) yang mendapat 0 markah dan seramai 5 orang (27.8%) mendapat 1 markah. Dapatan kajian juga menunjukkan hanya 9 orang (50.0%) yang berjaya untuk mencapai 2 markah dan seramai 1 orang (5.6%) mendapat 3 markah penuh bagi soalan kedua. Untuk soalan ketiga, seramai 12 orang (66.7%) yang mencapai 0 markah dan seramai 3 orang (13.7%) yang mendapat markah 1 markah. Seramai 3 orang (13.6%) telah mencapai 2 markah dan tiada pelajar Orang Asli yang berjaya mendapatkan 3 markah dan 4 markah bagi soalan ketiga.

Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Tradisional Berdasarkan Soalan

Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan pencapaian ujian pemahaman teks prosa tradisional mengikut soalan. Dapatan kajian yang diperolehi, menunjukkan untuk soalan pertama, seramai 14 orang (77.8%) mencapai 0 markah. Manakala seramai 2 orang (11.1%) mencapai 1 markah dan hanya 2 orang (11.1%) pelajar Orang Asli yang berjaya mendapat markah penuh iaitu 2 markah bagi soalan pertama. Kajian juga menunjukkan seramai 2 orang (11.1%) mendapat 0 markah dan 14 orang (77.8%) yang mendapat 1 markah bagi soalan kedua.

Jadual 6: Pencapaian ujian pemahaman teks prosa tradisioanal mengikut soalan

Soalan	Pencapaian(markah)			
	0	1	2	3
	Kekerapan dan Peratus			
1. Apakah maksud perkataan penjurit dalam petikan	14 77.8%	2 11.1%	2 11.1%	-
2. Bagaimanakah cara Laksamana berjaya membunuh Kertala Sari?	2 11.1%	14 77.8%	2 11.1%	-
3. Apakah dua nilai beserta bukti berdasarkan petikan diatas?	9 50.0%	7 38.9%	2 11.1%	-

Bagi soalan kedua juga, seramai 2 orang (11.1%) mendapat 2 markah daripada markah penuh iaitu sebanyak 3 markah. Untuk soalan ketiga, penyelidik mendapati 9 orang (50.0%)

mendapat markah 0 markah, dan seramai 7 orang (38.9%) yang mencapai 1 markah. Penyelidik juga mendapati seramai 2 orang (11.1%) mendapat 2 markah dan tiada yang berjaya mendapat markah penuh untuk soalan ketiga sebanyak 3 markah.

Tahap Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Moden Dan Prosa Tradisional

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan pencapaian tahap pemahaman teks prosa moden dan tradisional. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah pada peringkat rendah iaitu seramai 12 orang (66.7%).

Jadual 7 : Tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional

Perkara	Pencapaian			
	Prosa Moden		Prosa Tradisional	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Rendah	12	66.7%	14	77.8%
Sederhana	6	33.3%	2	11.1%
Tinggi	-	-	2	11.1%

Manakala tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden mencapai seramai 6 orang (33.3%) pada peringkat sederhana. Manakala tahap pemahaman teks KOMSAS prosa tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli ialah pada peringkat rendah iaitu sebanyak 14 orang (77.8%) dan peringkat sederhana dan tinggi hanya melibatkan 2 Orang (11.1%) sahaja.

C) Analisis tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional.

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati dapatan kajian tentang tahap pemahaman teks prosa moden dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah pada peringkat rendah iaitu 12 orang (66.7%). Dapatan ini menunjukkan pelajar orang Asli masih tidak memahami dan menguasai teks pemahaman prosa moden yang diuji, walaupun laras bahasa yang digunakan oleh penulis adalah mudah difahami. Kajian ini juga menunjukkan tahap pemahaman teks KOMSAS prosa tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah pada peringkat rendah iaitu 14 orang (77.8%) daripada 18. Hal ini membuktikan kepada pengkaji bahawa pelajar Orang Asli masih lemah dalam memahami teks KOMSAS prosa tradisional. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan kebanyakan Pelajar Orang Asli sukar memahami makna perkataan yang terdapat dalam teks prosa klasik tersebut seperti perkataan penjurit, diamlah, gemuruh, bahananya, teririk, syawatnya dan perlente. Laras bahasa dalam teks prosa tradisional ini sukar difahami terutama pelajar bahasa kedua kerana penguasaan bahasa Melayu mereka yang masih lemah dan mereka tidak pernah menggunakan bahasa klasik tersebut dalam pergaulan seharian.

Seterusnya, dapatan kajian jug mendapati bahawa galakan daripada ibu bapa memainkan peranan penting terhadap remaja Orang Asli untuk belajar bahasa Melayu. Berdasarkan borang soal selidik yang diberikan kepada remaja semasa kajian dijalankan, seramai 14 orang daripada 18 orang remaja Orang Asli yang memilih kekerapan agak bersetuju sehingga sangat setuju terhadap soalan A1 hingga A8 yang melibatkan galakan motivasi ibu bapa terhadap pelajar belajar bahasa Melayu. Hal ini jelas membuktikan kepada pengkaji bahawa dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan ibu bapa

remaja Orang Asli sangat memberi motivasi dan galakan kepada anak mereka untuk belajar bahasa Melayu. Selain itu, melalui kajian ini pengkaji mendapati seramai 14 hingga 18 orang pelajar Orang Asli semua memilih jawapan agak setuju hingga sangat setuju terhadap soalan B1 hingga B5 yang berkaitan tentang motivasi remaja belajar bahasa Melayu. Pengkaji dapat melihat kebanyakan remaja ini sangat bermotivasi untuk belajar bahasa Melayu kerana mereka merasa seronok untuk belajar bahasa Melayu yang dianggap mudah dan penting untuk mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia Seterusnya, bagi soalan borang soal selidik C1 hingga C5 yang berkaitan sikap remaja terhadap bahasa Melayu ini, pengkaji mendapati seramai 17 daripada 18 orang remaja Orang Asli memilih jawapan agak setuju sehingga sangat setuju terhadap soalan sikap remaja terhadap bahasa Melayu. Hal ini membuktikan kepada pengkaji bahawa pelajar Orang Asli di SMK Mengkarak, Bera, Pahang ini mempunyai sikap yang positif untuk belajar bahasa Melayu serta minat yang mendalam terhadap mata pelajaran tersebut.

Kesimpulan

Pengkaji dapat melihat tahap kefahaman membaca dalam kalangan pelajar Orang Asli, di SMK Mengkarak, Bera, Pahang Darul Makmur. Dapatan kajian juga dapat mengenal pasti faktor ekstra linguistik dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Faktor ekstra linguistik galakan keluarga dan motivasi pelajar orang Asli terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah pada peringkat tinggi iaitu sebanyak 94.4%. Hal ini menunjukkan pelajar Orang Asli di SMK Bera ini mempunyai motivasi yang kuat dalam diri, disamping galakan ibu bapa dalam konteks tidak formal telah membantu meningkatkan minat mereka untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih baik. Dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa faktor ekstra linguistik sikap dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah pada tahap tinggi iaitu sebanyak 100.0 peratus.

Kajian ini juga menunjukkan tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisioanal dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah peringkat rendah iaitu sebanyak 12 orang (66.7%). Manakala bagi teks prosa tradisional tahap pencapaian pemahaman teks KOMSAS prosa tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah peringkat rendah sebanyak 14 orang (77.8%). Hasil dapatan kajian ini, tahap pemahaman pelajar Orang Asli menjawab soalan kefahaman teks KOMSAS masih rendah terutama teks KOMSAS prosa tradisional berbanding prosa moden. Hal ini berlaku kerana, pelajar orang Asli sukar memahami perkataan yang terdapat dalam teks prosa tradisional adalah bahasa klasik yang tidak pernah digunakan dalam masyarakat dan budaya Orang Asli. Selain itu, pengkaji dapat mendapati terdapat perbezaan dalam pemahaman pelajar Orang Asli terhadap teks KOMSAS prosa moden. Hal ini kerana pelajar Orang Asli lebih mudah untuk memahami teks prosa moden kerana bahasa yang digunakan penulis lebih mudah difahami dan digunakan dalam konteks formal disekolah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan faktor ekstra linguistik memainkan peranan penting dalam kalangan pelajar Orang Asli untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, tahap pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli adalah pada peringkat rendah. Hal ini menunjukkan strategi membaca yang berkesan perlu diterapkan dalam kalangan Pelajar Orang Asli supaya lebih memahami teks KOMSAS prosa moden dan tradisional.

Rujukan

- Abdul Rahim Abu. 2015. Sikap kanak-kanak Orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tesis Master Bahasa Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Berita Harian Online . 2014, November 6. *Sikap masyarakat kurang kuasai Bahasa Melayu masih dipersoal.*
- Mohd Rusdy Mohd Noor. 2011. Tahap kefahaman membaca dan proses yang digunakan semasa membaca teks KOMSAS dalam kalangan remaja Cina tingkatan empat. Tesis Master. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Helmi Ahmad. 2011. Gangguan bahasa ibunda, *Dewan Bahasa*, 10: 32-34
- Rahimah Hj Sabran & Rahim Syam. 1985. Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia: untuk Pelatih Maktab Perguruan. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Safiah Osman. 1992. Peningkatan kemahiran membaca. *Jurnal Dewan Bahasa*: 36 (3); 262-269.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu tingkatan IV*. Kuala Lumpur: Pusat perkembangan Kurikulum.
- Yahya Othman. 2006. Proses kefahaman teks akademik dalam kalangan remaja universiti. Tesis (Ph.D). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Afizi Wan Hanafi , Shahrudin Ahmad, & Noraziah Ali (2014), Faktor Budaya dan Persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia Online Malaysian Journal Of Society and Space*, 5(5), 107-122.
- Zamri Mahmood & Zarina Othman. 2001. Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 2: 40-43.